

Tokoh Dakwah Negeri Melaka: Pemikiran Dan Sumbangan  
Tuan Guru Haji Karim Bin Dalip Dalam Dakwah Di Negeri Melaka  
Fatimah Nadirah Mohd Noor, Muhd Norazam Nordin, Mohd Taib Dora, Mohd Azam Yahya,  
Mohamad Nazli Omar, Zulkefli Abu Bakar, Muslihah Mazlan & Sufiean Hassan

## **TOKOH DAKWAH NEGERI MELAKA: PEMIKIRAN DAN SUMBANGAN TUAN GURU HAJI KARIM BIN DALIP DALAM DAKWAH DI NEGERI MELAKA**

**Fatimah Nadirah Mohd Noor**  
Universiti Melaka (UNIMEL), Malaysia

**Muhd Norazam Nordin**  
Universiti Melaka (UNIMEL), Malaysia

**Mohd Taib Dora**  
Universiti Melaka (UNIMEL), Malaysia

**Mohd Azam Yahya**  
Universiti Melaka (UNIMEL), Malaysia

**Mohamad Nazli Omar**  
Universiti Melaka (UNIMEL), Malaysia

**Zulkefli Abu Bakar**  
Universiti Melaka (UNIMEL), Malaysia

**Muslihah Mazlan**  
Universiti Melaka (UNIMEL), Malaysia

**Sufiean Hassan**  
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka

*Corresponding Author's Email: fatimahnadirah@unimel.edu.my*

### **Article history:**

*Received : 16 November 2022*

*Accepted : 23 December 2022*

*Published : 27 December 2022*

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji mengenai pemikiran Tuan Guru Haji Karim Bin Dalip dan sumbangannya dalam bidang dakwah di Negeri Melaka. Tokoh ini mempunyai kemampuan dan peranan yang besar dalam melahirkan masyarakat Islam di Melaka. Hasil dari pemikiran dan sumbangan Tuan Guru Haji Karim Bin Dalip, Islam masih utuh dan kuat dalam kalangan masyarakat Melaka pada hari ini. Kajian ini merupakan kajian berbentuk deskriptif yang dapat menerangkan fenomena berdasarkan data deskriptif yang diperolehi melalui temubual yang dijalankan. Kajian lapangan juga dilakukan dengan menemubual

tiga orang sampel bagi mendapatkan maklum balas mengenai pemikiran dan sumbangan Tuan Haji Karim.

**Kata kunci:** Kajian Tokoh, Melaka, Tuan Guru Haji Karim Bin Dalip

## ***DAKWAH FIGURES OF THE STATE OF MELAKA: THOUGHTS AND CONTRIBUTIONS OF TUAN GURU HAJI KARIM BIN DALIP IN DAKWAH IN THE STATE OF MELAKA***

### ***ABSTRACT***

*This study aims to examine the thoughts of Tuan Guru Haji Karim Bin Dalip and his contribution in the field of dakwah in the State of Melaka. This figure has a great ability and role in creating a Muslim community in Melaka. As a result of the thoughts and contributions of Tuan Guru Haji Karim Bin Dalip, Islam is still intact and strong among the people of Melaka today. This study is a descriptive study that can explain the phenomenon based on descriptive data obtained through interviews conducted. The field study was also conducted by interviewing three samples to get feedback on Tuan Haji Karim's thoughts and contributions.*

**Keywords:** *Figure Study, Melaka, Tuan Guru Haji Karim Bin Dalip*

### **PENDAHULUAN**

Islam adalah agama yang syumul dan kedatangannya membawa rahmat ke seluruh alam. Ia berkembang dan membawa pengaruhnya tersendiri dalam masyarakat dunia. Namun dalam proses perkembangan itu pastinya diterajui oleh mereka yang unggul dari sudut syaksiah akhlak dan ilmu pengetahuan. Hal ini telah dibuktikan oleh sejarah yang lalu seperti Bediuzzaman Said Nursi, Hassan al-Banna, Pak Natsir, Buya Hamka dan ramai lagi. Mereka adalah tokoh-tokoh ulama dan dakwah yang unggul meneruskan jejak perjuangan baginda s.a.w. dalam usaha melahirkan generasi modal insan yang berkualiti.

Hasil daripada perjuangan dan kesungguhan mereka dalam mengembangkan ajaran Islam, masyarakat Islam hari ini berada di seluruh pelusuk dunia. Keadaan dan proses perkembangan sebegini juga turut berlaku di Malaysia atau dikenali Tanah Melayu pada satu masa dahulu khususnya Negeri Melaka.

Melaka satu ketika dahulu, telah membina sejarah agungnya sebagai pusat penyebaran Islam. Sepanjang kemunculan dan kebangkitan ini lahirlah ramai tokoh ulama yang dalam memberikan sumbangan terhadap masyarakat secara langsung atau tidak langsung sehinggalah kini. Antara tokoh-tokoh dakwah yang turut memainkan peranan penting dalam proses membina masyarakat unggul di Negeri Melaka seperti Tuan Haji Karim Bin Dalip, Tuan

Guru Hj. Hassan bin Hj. Abu Bakar, Tuan Guru Hj. Khalil bin Hj. Hussin, Tuan Guru Abdul Wahid bin Othman, Kiay Haji Hashim dan Dato' Hj. Mat yunus Datuk Sheikh Hj. Md. Yunus Bin Hj. Mohd. Yatim. Tokoh-tokoh ini mempunyai kemampuan dan peranan yang besar dalam melahirkan masyarakat Islam di Melaka pada masa kini. Hasil dari pemikiran dan sumbangan mereka, Islam masih utuh dan kuat dalam kalangan masyarakat Melaka pada hari ini.

Namun Melaka hari ini telah bergerak menuju "*Negeri Maju dan Bandar Berteknologi Hijau.*" Hal ini sesuatu yang amat dibanggakan dengan kepesatan dan pertumbuhan kemajuan ekonomi yang telah dicapai. Oleh itu sumbangan dan pengorbanan yang telah dilakukan oleh tokoh-tokoh ini wajar didokumenkan dalam bentuk kajian dan buku.

Hal ini supaya generasi akan datang dapat mengetahui dan menggunakan pendekatan yang digunakan untuk meneruskan perkembangan Islam di Melaka. Keadaan ini telah mendorong pengkaji untuk melakukan satu pengkajian berkaitan dengan salah seorang dari tokoh tersebut untuk melihat pemikiran dan sumbangan mereka dalam dakwah di Negeri Melaka.

## **OBJEKTIF**

Terdapat beberapa objektif kajian, iaitu:

1. Mengkaji biografi Tuan Haji Karim Bin Dalib, tokoh dakwah ulama Negeri Melaka.
2. Mengkaji konsep pemikiran dan metodologi dakwah Tuan Haji Karim Bin Dalib dalam pembinaan masyarakat di Negeri Melaka.
3. Meneliti peranan dan sumbangan Tuan Haji Karim Bin Dalib dalam perkembangan Islam di Negeri Melaka.

## **LATAR BELAKANG TOKOH**

Nama penuh beliau Tuan Haji Karim Bin Haji Dalip bin Haji Ibrahim bin Haji Syahabudin. Beliau dilahirkan pada tahun 1921 masihi di Kampung Tanjung Bidara. Tuan Haji Karim merupakan Anak kedua dari 2 orang adik-beradik. Beliau berketurunan India. Beliau merupakan anak jati Kampung Tanjung Bidara, Masjid Tanah Melaka. [Sabtu bin Bakar (2016, September 28). Biodata tokoh: Temubual]. Di samping itu juga, Tuan Haji Karim dikenali dengan nama Pak Busu Karim dalam kalangan masyarakat Kampung Tanjung Bidara. [Tuan Haji Zaid bin Md. Saman (2016, September 29) Biodata tokoh: Temubual].

### **I. Pendidikan**

Tuan Haji Karim bin Dalip, telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Tanjung Bidara pada tahun 1928 sehingga tahun 1933. Beliau mendapat pendidikan awal ilmu agama ini melalui bapanya sendiri [Mustafa bin Karim (2016, September 28) Biodata tokoh: Temubual]. Manakala bapanya Tuan Dalib mempelajari ilmu agama dari Mufti Tuan Haji Hassan.

Begitu juga Tuan Guru Haji Karim mendapatkan pengajian ilmu agama dari Mufti Haji Khalil dan Mufti Haji Hasan. Keduanya adalah Mufti Kerajaan Negeri Melaka. Pusat pengajian tersebut letak di kampung Kuala Sungai Baru [Sabtu bin Bakar (2016, September 28) Biodata tokoh: Temubual].

## **II. Alam Perkahwinan**

Tuan Guru Haji Karim telah melangsungkan perkahwinan dengan Hajah Salbiah. Beliau telah dikurniakan anak seramai 15 orang, 8 orang anak perempuan dan 5 orang anak lelaki. Namun 2 orang anaknya telah meninggal dunia sewaktu kecil.<sup>13</sup> Tuan Haji Karim sangat tegas sikapnya terhadap anak-anaknya. Terutamanya dalam aspek pendidikan. Tuan Haji Karim sangat sibuk orangnya dalam tugas harian dan tugas dakwah. Hajah Salbiah, isteri beliaulah yang memberikan sokongan kepada beliau dalam usaha-usaha dakwah beliau. Isteri beliaulah yang menjaga kesemua anak-anaknya dalam kesibukan Tuan Haji dalam usaha-usaha dakwah terhadap masyarakat [Mustafa bin Karim (2016, September 28) Biodata tokoh: Temubual].

## **III. Peribadi Tuan Haji Karim**

Tuan Guru Haji Karim seorang yang baik dan mempunyai prinsip hidup yang tinggi. Hal ini dapat dilihat dengan semangat beliau untuk mengajar kanak-kanak dan masyarakat kampung mengenai ilmu agama [Sabtu bin Bakar (2016, September 28) Biodata tokoh: Temubual].

Keadaan ini jelas menunjukkan sifat kepimpinan, pemimpin yang berkesan bukan hanya hebat sebagai peribadi, tetapi dapat bekerja secara kolektif dengan pengikutnya. Iaitu semangat juang yang tinggi dalam melaksanakan sesuatu urusan (Razaleigh Muhamat @Kawangit, 2015).

Di samping itu juga, Tuan Guru Haji Karim seorang yang mempunyai perwatakan yang menarik, beliau dapat menawan hati masyarakat untuk mendengar sesi pengajaran yang dilakukan. Beliau juga seorang yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang baik [Tuan Haji Zaid bin Md. Saman (2016, September 29) Pemikiran tokoh: Temubual].

Hal ini kerana Tuan Guru Haji Karim telah berjaya membentuk dan menanamkan masyarakat ketika itu untuk mempelajari pengajian agama yang telah diadakan olehnya di masjid [Sabtu bin Bakar (2016, September 28) Pemikiran tokoh: Temubual].

Beliau seorang yang mempunyai jati diri yang kuat. Hal ini dapat dilihat dalam usaha menyebarkan ajaran Islam, beliau mampu berdikari dengan mempunyai pekerjaan sendiri. Tuan Guru Haji Karim telah menjalankan perniagaan kedai runcit sebagai sumber pendapatan. Kedai runcit Tuan Guru Haji Karim, merupakan sebuah kedai runcit tunggal milik orang melayu pada ketika itu. Kedai runcit tersebut sangat terkenal dan menjadi tumpuan masyarakat

---

<sup>13</sup> Hasil temubual yang dijalankan bersama Anak Tuan Guru Haji Karim, Datuk Mustapa bin Karim pada tarikh 28 September 2016

Tanjung bidara dan Masjid Tanah pada era tahun 1960. Hal ini kerana kedai runcit tersebut menyediakan peralatan menguruskan jenazah [Tuan Haji Zaid bin Md. Saman (2016, September 29) Sumbangan tokoh: Temubual].

Di samping itu juga Tuan Guru Haji Karim juga mempunyai fikiran yang jauh, keadaan ini dibuktikan dalam pendekatan yang dilaksanakan oleh beliau. Bagi memperkukuhkan perkembangan ajaran Islam, beliau telah mengahwinkan anak-anak perempuan beliau dengan pelajarnya yang cemerlang. Hal ini bertujuan untuk membina kekuatan dalam kalangan keluarga dan sahabat terlebih dahulu [Sabtu bin Bakar (2016, September 28) Pemikiran tokoh: Temubual].

Tuan Guru Haji Karim mempunyai inspirasi dan kekuatan dalaman yang jitu dalam menyebarkan ajaran Islam, hal ini dibuktikan apabila masyarakat setempat mula menghantar anak-anak mengikuti pengajian beliau. Bahkan anak-anak muridnya juga telah menghantarkan anak-anak mereka ke sekolah Tuan Guru. Keadaan ini menjelaskan bahawa masyarakat sangat menghormati beliau dan yakin dengan keilmuan yang dimiliki oleh Tuan Guru Haji Karim [Zaid bin Md. Saman (2016, September 29) Sumbangan tokoh: Temubual].

Tuan Guru Haji Karim adalah seorang yang cintakan ilmu dan beliau sering menegaskan kepada anak-anaknya kepentingan ilmu "*Ayah kalau mati, ayah tak tinggal harta, ayah tinggal ilmu pada kau semua. Pandai-pandailah kau cari*". Disebabkan terlalu mencintai ilmu dan minat yang mendalam dengan ilmu agama, Tuan Guru Haji Karim berhasrat ingin menetap di Mekah apabila selesai urusan persekolahan anak-anak dan dewasa [Mustafa bin Karim (2016, September 28) Pemikiran tokoh: Temubual].

Beliau sering mengungkapkan kata ini kepada anak-anaknya, "*Korang semua dah besar esok, masing-masing dah selamat sekolah, ayah dengan mak akan menaung di Mekah. Ayah tak balik. Ayah nak menaung di Mekah. Ayah nak cari ilmu kat Mekah.*" [Mustafa bin Karim (2016, September 28) Pemikiran tokoh: Temubual].

## **METOD DAKWAH DAN PEMIKIRANNYA**

Pendekatan beliau dalam berdakwah banyak dipengaruhi oleh prinsip asasnya iaitu al-Hikmah. Hasrat utamanya adalah untuk mengembangkan ajaran Islam kepada masyarakat di Melaka, Khususnya di Kampung Tanjung Bidara. Tuan Guru Haji Karim menekankan bahawa ilmu agama itu penting untuk difahami dan dipelajari [Zaid bin Md. Saman (2016, September 29) Metodologi dakwah tokoh: Temubual].

Beliau telah meletakkan matlamat ilmu agama satu perkara yang penting bagi mengelakkan masyarakat dari kejahilan. Beliau memulakan pengaruhnya di peringkat awal terhadap masyarakat dengan mengajar agama Ilmu Fardhu Ain kepada kanak-kanak dan mengajar Ilmu Feqh kepada golongan dewasa [Mustafa bin Karim (2016, September 28) Metodologi dakwah tokoh: Temubual].

Di peringkat awal beliau mendapati masyarakat setempat agak sukar untuk menghadirkan diri ke masjid pada waktu siang. Disebabkan sibuk dengan urusan mencari rezeki. Hal ini kerana kebanyakan penduduk sekitar adalah terdiri

daripada nelayan dan penoreh getah. Ekoran daripada itu beliau telah mengambil peluang dengan memberikan sedikit tazkirah kepada jemaah masjid selama 10 minit atau 15 minit sebelum solat jumat dilakukan [Mustafa bin Karim (2016, September 28) Metodologi dakwah tokoh: Temubual].

Seterusnya Tuan Guru Haji Karim, sentiasa bersedia dan menerima semua jemputan ceramah agama dan tazkirah sama ada di Melaka, Negeri Sembilan dan Johor. Beliau sangat komited dan bersungguh-sungguh dalam usaha menyebarkan ajaran Agama Islam terhadap masyarakat [Mustafa bin Karim (2016, September 28) Metodologi dakwah tokoh: Temubual].

Manakala dari sudut kaedah pengajian kuliuhnya, Tuan Guru seorang yang menepati masa, penyayang, dalam tegas dia penyayang, beliau sering menggunakan pendekatan ceramahnya dengan mengaitkan kisah Rasullullah SAW. Pendekatan metodologi dakwah yang telah digunakan oleh Tuan Guru Haji Karim ialah kaedah mempengaruhi [Mustafa bin Karim (2016, September 28) Metodologi dakwah tokoh: Temubual].

Beliau pada peringkat awal beliau cuba untuk mempengaruhi masyarakat agar yakin dan percaya dengan ilmu pengetahuan yang dimiliki. Antaranya aktiviti yang telah dilaksanakan, seperti menjalankan perniagaan. Secara tak langsung ia memberikan imej yang baik kepada masyarakat. Apabila masyarakat telah mula mempercayainya maka barulah mudah Tuan Guru Haji Karim untuk menyebarkan ajaran Islam kepada masyarakat [Mustafa bin Karim (2016, September 28) Metodologi dakwah tokoh: Temubual].

Seterusnya pendekatan metodologi dakwah yang berbeza telah digunakan oleh Tuan Guru Haji Karim dalam menyampaikan ceramah atau kuliuh dan tazkirah terhadap sasarannya. Apabila beliau berhadapan dengan golongan orang tua, Tuan Guru Haji Karim telah menggunakan kaedah santai dan bersahaja di samping ada sesi perbincangan dan soal-jawab [Mustafa bin Karim (2016, September 28) Metodologi dakwah tokoh: Temubual].

Manakala dengan anak murid, beliau sangat tegas. Disebabkan ketegasan itu, anak-anak murid beliau agak takut dengan beliau. Namun beliau sangat dihormati oleh anak-anak muridnya. Walaupun beliau garang tetapi seronok belajar dengan beliau [Zaid bin Md. Saman (2016, September 29) Metodologi dakwah tokoh: Temubual].

## **SUMBANGAN TUAN GURU HAJI KARIM**

Para pendakwah dan tokoh sering meninggalkan jasa dan sumbangan yang besar dalam perjuangan mereka. Begitu juga dengan Tuan Guru Haji Karim. Sumbangan pada Peringkat Pertama, Beliau telah mengasaskan Ratib al-Hadad dalam masyarakat di Kampung Tanjung Bidara. Amalan itu dilakukan pada setiap malam Jumaat dan ia menjadi amalan berterusan masyarakat [Zaid bin Md. Saman (2016, September 29) Sumbangan tokoh: Temubual].

Sumbangan pada peringkat kedua, Tuan Guru Haji Karim adalah peranan beliau yang berjaya memberikan pengaruh pemikiran beliau dalam usaha membangkitkan tahap kesedaran masyarakat setempat khususnya Kampung

Tanjung Bidara, Masjid Tanah dan am di Negeri Melaka menghayati dan memahami ajaran Islam.

Hal ini terserlah dengan sikap kesungguhan beliau dalam menyebarkan ajaran Islam kepada penduduk setempat. Beliau mengambil masa sepuluh minit untuk memberikan tazkirah kepada masyarakat sebelum solat Jumaat. Begitu juga dengan kegigihan beliau sendiri untuk menyebarkan risalah Islam di seluruh bumi Tanjung Bidara [Mustafa bin karim (2016, September 28) Sumbangan tokoh: Temubual].

Sumbangan ketiga Tuan Guru Haji Karim adalah keseungguhan dan semangat juang tinggi beliau untuk penubuhan sekolah Al-Ehya' Karim. Penubuhan sekolah ini, merupakan hasrat utama beliau untuk memberikan kefahaman yang baik terhadap masyarakat berkaitan dengan agama Islam [Mustafa bin karim (2016, September 28) Sumbangan tokoh: Temubual].

Sumbang peringkat keempat adalah kekuatan dan keupayaan Tuan Guru Haji Karim dapat menguasai ekonomi untuk masyarakat setempat pada waktu era 60an dengan wujudnya kedai runcit beliau. Kedai runcit beliau, merupakan kedai runcit tunggal yang dimiliki oleh golongan melayu ketika itu [Mustafa bin karim (2016, September 28) Sumbangan tokoh: Temubual].

Sumbangan peringkat Keenam Tuan Guru Haji Karim terhadap masyarakat kampung Tanjung Bidara khususnya dan am nya Negeri Melaka melalui penubuhan Masjid Tanjung Bidara. Beliau merupakan pengasas penubuhan tersebut [Sabtu bin Bakar (2016, September 28) Sumbangan tokoh: Temubual].

Sumbangan Tuan Guru Haji Karim yang ketuju ialah penglibatan beliau dalam politik dan pernah menyandang jawatan sebagai Pesuruhjaya Pas pertama di Negeri Melaka. Hal ini menunjukkan dengan jelas untuk memudahkan segala usaha beliau dalam menyebarkan Islam. Tuan Guru Haji Karim telah menggunakan pelbagai *platform* [Mustafa bin karim (2016, September 28) Sumbangan tokoh: Temubual].

## **KEMATIAN TUAN GURU HAJI KARIM**

Tuan Guru Haji Karim telah menghembuskan nafasnya yang terakhir ketika berusia 49 atau 50 tahun. Beliau dinyatakan mengidap penyakit kencing manis dan lemah jantung tetapi masih dalam tahap terkawal keadaannya. Hal ini telah dinyatakan oleh anak beliau yang sering melihatnya Tuan Guru Haji Karim mengadakan temujanji dengan doktor [Mustafa bin karim (2016, September 28) Biodata tokoh: Temubual].

Namun kematian Tuan Guru Haji Karim secara mengejut dan tidak disangka. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Anak Tuan Guru Haji Karim, bapanya telah pergi ke pekan Masjid Tanah untuk membeli barang-barang keperluan. Sepanjang berada di Pekan Tuan Guru Haji Karim telah berjumpa dengan rakan-rakan kenalan beliau dan menikmati juadah makanan bersama [Mustafa bin karim (2016, September 28) Biodata tokoh: Temubual].

Setelah pulang dari Pekan Masjid Tanah Tuan Guru Haji Karim mengalami muntah-muntah dan akhirnya beliau telah menghembuskan nafasnya yang terakhir [Mustafa bin karim (2016, September 28) Biodata tokoh: Temubual].

Kehilangan Tuan Guru Haji Karim amat dirasai oleh penduduk setempat khususnya Kampung Tanjung Bidara dan seluruh Negeri Melaka ketika itu kerana pengaruhnya dalam masyarakat begitu besar dengan wujudnya institusi pendidikan iaitu sekolah dan masjid [Zaid bin Md. Saman (2016, September 29) Biodata tokoh: Temubual].

## KESIMPULAN

Tuan Guru Haji Karim merupakan seorang tokoh dakwah yang mempunyai pengaruh dan sumbangan serta metodologinya yang tersendiri dalam usaha menyebarkan dakwah Islam kepada masyarakat setempat khususnya Kampung Tanjung Bidara. Hal ini jelas terbukti dari sudut pemikiran dan pengaruh yang disampaikan oleh Tuan Guru Haji Karim.

## RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd Zin (1997), *Pengantar Dakwah Islamiah*, Universiti Malaya: Kuala Lumpur, hlmn: 135.
- Abd. Rahim Arsyad (2005), "*Membangun Masyarakat Moden yang Berilmu dan Berakhlak*", KUIIM: Kuala Lumpur, hlmn: 58
- Ahmad Syalabi (1976), *Sikologiah al-Ra'iwa al-Da'wah al-Du'at*, Maktabah Al Azhar: Kaherah, hlmn: 1.
- Al-Aluri (1979), *Tarikh al-Da'wah al-Islamiah min al-Ams Ila ak-Yawm*, Maktabah Wahbah: Kaherah, hlmn: 7.
- Chua Yan Piaw (2008). *Kaedah dan Statistik Pengkajian: Kaedah Pengkajian*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education
- Creswell, J.W. (2005). *Educational research Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. Upper Saddle River, NJ Pearson
- Dr Mustafa al-Rafie (2003), *Dakwah dan Keunggulan Para Daie*, PTS: Kuala Lumpur, hlmn:
- Dr Mustafa al-Rafie (2003), *Dakwah dan Keunggulan Para Daie*. Abd.Wahab Latif, Badlihisam Mohd Nasir dan Mashitah Ismail (terj.), Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd, hlmn: 5-9.
- Dr Ratna Roshida Abd Razak(2006) *Modal Insan : Aset Utama Pembentukan Tamadun Bangsa*, Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan insan Peringkat Kebangsaan, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,h. 171.
- Hasān 'Abd Allāh Hasān (2002), *al-Fikr al-Islāmī wa al-Nizām al-'Alamī al-Jadīd*.



- Ibn Manzur (1990), *Lisan al-Arab*, Dar al-Sa'd: Beirut, hlmn: 257. Abd al-Karim Zaydan (1972), *Usul al da'wah*, Matba'ah Salman al Azmi: Baghdad, hlmn: 471.
- Joni Tamkin(2002)"*Beberapa Aspek Pemikiran Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dalam perbankan Islam.*" Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.h.195.
- Kamarudin Ngah dan Roslim Md. Akhir (1990). *Kaedah Pengkajian Panduan Mudah Kerja Luar*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Faisal bin Mohamad (2007) "*Pemikiran Tasawuf di Nusantara : Peringkat-peringkat perkembangan serta tokoh-tokohnya.*, Disertasi Program Pengajian Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Mohamad Kamil Hj Ab Majid (1996), "Skop, Sejarah dan Aliran Pemikiran Islam", *Jurnal Usuluddin*, bil. 5, Disember 1996, h. 111-136, h. 113.
- Mohamad Kamil b. Hj.Ab. Majid (1993). "*Tokoh-Tokoh Pemikir Islam*" Kuala Lumpur Angkatan Belia Malaysia.
- Muhammad al-Ghazali (1981), *ma'a Allah*, Dar Ihya al-Turath al-Arabi: Beirut, hlmn:17.
- Muhsin 'Abd al-Hamīd (1987), *al-Fikr al-Islāmī: Taqwīmuhi wa Tajdīduhi*. Baghdād: Maktabah Dār al-Anbār, h. 7.
- Mustafa Ghayalini (1990), *Mu'jam al-Arabi al-Asasi*, Al-Arabiah Li al Tarbiyah: Beirut, Hlmn: 452.
- Nasrudin Sidi (2010), *Pendekatan Ismail Lufti Japakiya. Kajian tentang terhadap tarikan dakwahnya di Selantan Thai*, Disertasi Sarjana Usuluddin Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Razaleigh Muhamat @Kawangit (2015), *Kepimpinan dan Pengurusan Islam, Sejarah Teori dan Perlaksanaan*, penerbitan UKM Bangi. M.s 16
- Sakir Hussin bin Kalid (2008), "*Tokoh ulama di Negeri Melaka: Satu Kajian tentang Pemikiran di Bidang Pendidikan dan dakwah*, Disertasi Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Teuku Iskandar (2003), *Kamus Dewan*, DBP: Kuala Lumpur, hlmn: 462.
- Yusuf al-Qardhawi (1983), *Thaqafah al-Da'iyat*, Muassasah al-Risalah: Beirut, hlmn:1.5

## **Temubual**

- Hasil temubual yang dijalankan bersama Anak murid Tuan Guru Haji Karim, Haji Sabtu bin Bakar 28 Pada September 2016
- Hasil temubual yang dijalankan bersama Anak Tuan Guru Haji Karim, Dato' Mustapa bin Karim pada tarikh 28 September 2016
- Hasil temubual yang dijalankan bersama YDP PIBG Sekolah Menengah Agama Ihya' Karim, Tuan Haji Zaid Bin Md. Saman pada 29 September 2016